

Vanda Datin Seri Doctor Aishah – Hibrid orkid cinta mentari

(*Vanda Datin Seri Doctor Aishah – The sun loving orchid*)

Rozlaily Zainol

Pengenalan

Orkid merupakan salah satu komoditi utama bagi industri florikultur di Malaysia dengan jumlah pengeluaran dianggarkan lebih daripada 38% dan bernilai lebih RM104 juta. Ia ditanam sama ada sebagai pokok pasu atau untuk pengeluaran bunga keratan oleh penggemar atau penanam orkid komersial.

Penggunaan orkid untuk mengindahkan landskap taman menjadi semakin popular dan dapat meningkatkan nilai estetik taman tersebut. Iklim tropika negara kita yang panas sehingga boleh mencapai 40 °C telah mengehadkan penggunaan orkid sebagai tanaman hiasan terutama untuk laman terbuka. Ini kerana kebanyakan varieti orkid sedia ada tidak tahan sinaran matahari yang terik. Hasil daripada Program Pembiakbaaan Orkid, MARDI berjaya menghasilkan hibrid orkid yang tahan panas.

Orkid ini telah didaftarkan sebagai *Vanda Datin Seri Doctor Aishah* sempena nama isteri Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Kelahiran hibrid

Vanda Datin Seri Doctor Aishah terhasil daripada kacukan antara 'semi-terete-leaved', *Vanda Josephine van Brero* dengan 'strap-leaved' *Vanda Bangkok Blue*. Kacukan ini dilakukan pada 17 September 1991 menggunakan *Vanda Josephine van Brero* sebagai induk betina dan *Vanda Bangkok Blue* sebagai induk jantan. Hibrid ini telah menghasilkan tiga varieti iaitu *Vanda Datin Seri Doctor Aishah* varieti 'Pink', 'Red-orange' dan 'purple-blue' (*Gambar 1*).

Morfologi bunga

Hibrid ini mempunyai warna bunga yang menarik, berlatar belakang merah-jambu, merah-jingga atau ungu-biru mengikut varieti dengan bintik halus gelap dan bibir tengah yang besar berwarna merah-ungu gelap dengan bibir-sisi kejinggaan. Saiz bunganya agak besar, 8.5–9.0 cm melintang dan 9.0–10.0 cm menegak, dengan kelopak sepal dan petal yang beralun, tersusun secara spiral pada tangkai lurus dan kuat. Panjang jambak bunga 25–30 cm, mempunyai 4–7 kuntum bunga dan jambangan bunganya boleh tahan lebih daripada satu bulan di pokok (*Jadual 1*).

Ciri pokok

Hibrid ini merupakan orkid jenis 'semi-terete-leaved' yang mempunyai daun tersusun secara selari di kedua-dua belah batang yang kurus tetapi kuat. Pokoknya bersifat monopodium



Gambar 1. *Vanda Datin Seri Doctor Aishah* varieti (a) 'Pink', (b) 'Red-orange' dan (c) 'Purple-blue'



Jadual 1. Morfologi bunga *Vanda Datin Seri Doctor Aishah*

Saiz bunga	
Melintang	8.5–9.0 cm
Menegak	9.0–10.0 cm
Sepal dorsal	
Panjang x lebar	4.5 x 3.0 cm
Sepal sisi	
Panjang x lebar	4.5 x 3.5 cm
Petal	
Panjang x lebar	4.0 x 3.5 cm
Panjang jambak	25–30 cm
Panjang skap	13–17 cm
Panjang pedisel	5.0–6.0 cm
Panjang internode	1.4–1.6 cm
Bilangan kuntum bunga	4–7 unit
Ketahanan bunga di pokok	>1 bulan

Gambar 2. Jambak bunga orkid monopodium *Vanda Datin Seri Doctor Aishah*

iaitu batangnya cenderung tumbuh ke atas, ke arah sinaran cahaya matahari (*Gambar 2*). Bentuk struktur dan sifat monopodium orkid ini memudahkan pokoknya ditanam di atas tanah menggunakan kayu sokongan. Pokoknya subur, banyak akar udara, bertindak balas dengan baik pada pembajaan, rajin berbunga dan tidak mudah diserang serangga perosak atau penyakit orkid yang serius.

Keistimewaan hibrid

Hibrid ini merupakan orkid yang suka sinaran cahaya matahari dan akan menghasilkan warna bunga yang lebih baik dan menyerlah apabila mendapat cahaya matahari yang banyak. Pokoknya yang tahan panas dan lasak memudahkan pengendalian dan pengurusan pokok di taman. Sifat pokoknya yang rajin berbunga dengan jambak bunga yang tahan lama membolehkan bunga dibekalkan sepanjang tahun. Ini merupakan antara ciri-ciri utama yang dikehendaki dalam pemilihan pokok untuk landskap taman.

Keperluan tanaman

Hibrid ini disyorkan ditanam di tanah bersaliran baik atau di dalam pasu menggunakan batu bata dan arang sebagai medium. Medium-medium lain adalah seperti kayu-ketam dan ‘coconut husk’ boleh juga digunakan. Sebaiknya hibrid ini diberi lindungan jaringan 20% cahaya matahari pada peringkat awal penanaman dan kemudian didedahkan kepada pancaran cahaya matahari sepenuhnya secara beransur-ansur. Proses adaptasi ini perlu bagi mengelakkan kejutan panas terik cahaya matahari kepada pokok tersebut. Penjagaan pokok adalah mengikut aplikasi pengurusan orkid yang standard.

Penghargaan

Penulis mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tiga pesara pembantu penyelidik, En. Mat Zailani, En. Karim Bilal Mat dan Hj. Mohd. Yassin Tan yang telah banyak membantu dalam pengambilan data dan menjaga pokok penyelidikan. Tidak lupa juga kepada pembantu penyelidik kini, En. Noraimi Nordin.

Bibliografi

- Anon. (2010). Perangkaan Agro Makanan 2010. 187 hlm. MOA Incorporated.
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
— (1991). Zaharah, H. dan Rozlaily, Z. (Ed.) *Penanaman Orkid*. 110 hlm.
Serdang: MARDI
The Royal Horticultural Society (2011). The Orchid Review: International Register of Orchid Hybrids (Sander’s List) October – December 2010 REGISTRATIONS, Vol. 119, No. 1293, March 2011 20 hlm.

Ringkasan

Vanda Datin Seri Doctor Aishah telah dihasilkan daripada proses kacukan antara ‘semi-terete-leaved’ *Vanda Josephine van Brero* dengan ‘strap-leaved’ *Vanda Bangkok Blue*. Hibrid ini rajin berbunga dan suka akan sinaran cahaya matahari. Pokoknya akan menghasilkan bunga yang lebih baik apabila mendapat cahaya matahari yang banyak. Hibrid yang tahan panas ini penting dan amat sesuai digunakan sebagai pokok landskap dalam iklim tropika negara kita yang panas.

Summary

Vanda Datin Seri Doctor Aishah was developed from a cross between a ‘semi-terete-leaved’ *Vanda Josephine van Brero* and a ‘strap-leaved’ *Vanda Bangkok Blue*. It is a free-flowering sun-loving orchid that produces better flowers with plenty of sunlight. This ‘heat-tolerance’ hybrid is vital and could be used as a landscape plant in our hot tropical climate.

Pengarang

Rozlaily Zainol

Pusat Penyelidikan Hortikultur, Ibu Pejabat MARDI, Serdang,

Peti surat 12301, 50774 Kuala Lumpur

E-mel: roz@mardi.gov.my